



مجلس ائمة اسلام وادب عوامي ورسوم ملايو فمخ

MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

PERMOHONAN BAGI LANTIKAN KE JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada Rakyat Negeri Pahang untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut :-

- (i) **Nama Jawatan** : Pegawai Penyelaras Pentadbiran Masjid dan Surau Daerah
- (ii) **Gaji / Elaun** : RM 1,210.00 (tetap) JAKIM
: RM 300.00 (Elaun MUIP)
: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
: Tuntutan Perjalanan
- (iii) **Taraf Jawatan** : Kontrak
- (iv) **Kekosongan** : 2 Daerah dalam Negeri Pahang

SYARAT LANTIKAN BAGI JAWATAN DI ATAS ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- 1.1. Terdiri daripada warganegara Malaysia;
- 1.2. Berumur tidak kurang dari 25 tahun dan tidak melebihi 65 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 1.3. Lelaki;
- 1.4. Mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik supaya dapat memberi bimbingan yang berkesan dalam pengurusan masjid dan surau serta menyelaras aktiviti-aktivitinya.
- 1.5. Mempunyai kebolehan khusus seperti berikut :-
 - i) Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kepujian dalam Bahasa Malaysia;
 - ii) Mempunyai Sijil Menengah Agama (SMA) atau Sijil Tinggi Agama (STA) atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau Diploma Pengajian Islam;
 - iii) Berkebolehan menyelia dan memberi bimbingan dalam perlantikan Ahli Jawatankuasa Pentadbiran Masjid dan Surau;

- iv) Berkebolehan memberi bimbingan dalam pengurusan dalam pengurusan masjid dan surau bagi menjadikan masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat peringkat daerah ;
- v) Berkebolehan menyelia dan menyelaraskan aktiviti pengajian Agama Islam di masjid dan surau peringkat daerah ;
- vi) Mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam memberi khidmat nasihat kepada Pentadbir Masjid dan Surau dalam menguruskan hal-hal kewangan dan menambah hasil kewangan masjid dan surau.

2. Pemilihan :

Pemilihan calon akan dibuat melalui temuduga.

3. Kontrak :

- i) Calon-calon yang berjaya dikehendaki menandatangani satu kontrak perkhidmatan dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang ;
- ii) Berada dalam keadaan sihat yang diperakui oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

4. Cara-Cara Memohon :

- i) Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang MUIP yang boleh didapati di Pejabat Agama Islam Daerah, Pejabat Cawangan MUIP Daerah, Pejabat Saham Wakaf Pahang, Kuantan dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, Pekan. atau melayari portal rasmi www.muip.gov.my.
- ii) Semua permohonan hendaklah disertakan salinan-salinan sijil dan dokumen yang disahkan.
- iii) Permohonan hendaklah dialamatkan kepada :-

**TIMBALAN YANG DIPERTUA,
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM
MELAYU PAHANG,
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH (KISHAS),
26600 PEKAN**

5. Tarikh Tutup Permohonan : 10 Mac 2011